

Juadah patriotisme di Pulai Springs Resort

Oleh MAZLINA ABDUL MAJID
mazlina.majid@kosmo.com.my

JOHOR BAHRU – Sempena sambutan hari kemerdekaan negara yang ke-56, Restoran Gleaneagles Terrace, Pulai Springs Resort di sini mengadakan promosi minum petang yang dikenali sebagai 'Juadah Patriotisme' pada 31 Ogos ini.

Menurut Pengurus Perhubungan Awamnya, Charlotte Monterio, promosi itu sah di antara pukul 12 tengah hari hingga 3 petang pada hari berkenaan.

"Kami menawarkan harga bermula RM40++ bagi dewasa manakala RM20++ bagi kanak-kanak. Dengan harga yang berpatutannya itu, para pelanggan boleh menikmati pelbagai juadah hidangan patriotisme yang membuka selera.

"Antaranya seperti nasi goreng Cina, pasta aglio e olio, ayam goreng, martabak mini bersama kuah dal, piza, laksa asam Penang dan banyak lagi hidangan lazat yang bakal disediakan khas untuk para pengunjung," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sebagai pelengkap hidangan, ujar Charlotte, Restoran Gleaneagles Terrace menampilkan variasi pencuci mu-



ANTARA juadah istimewa yang bakal dihidangkan sempena sambutan hari kemerdekaan di Pulai Springs Resort, Johor Bahru.

lut yang dihias khas bersempena Hari Kemerdekaan.

Antaranya termasuk puding buah, pai epal, pelbagai pilihan kuih-kuih Melayu, kek bertemakan Malaysia, pelbagai pilihan perisa ais krim dan banyak lagi.

"Justeru, kami menggalakkan orang ramai menjemput rakan-rakan dan keluarga untuk menikmati kemeriahan

hidangan patriotisme di samping dapat menyemarakkan sambutan hari kemerdekaan di bumi yang bertuah," ujarnya lagi.

Untuk keterangan lanjut dan tempahan, sila hubungi 07-521 2121 atau e-mel enquiry@pulaisprings.com atau melayari laman web di www.pulaisprings.com untuk tempahan dalam talian.